

02/06/2000

Melayu perlu resipi baru untuk maju

Nazar Abdul in Makkah

MAKKAH, Khamis - Orang Melayu perlu memakai `resipi' baru untuk maju dan menjadi bangsa besar yang disegani, kata Pengerusi Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa (YSMA), Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau berkata, `resipi' baru yang dimaksudkan itu ialah jiwa juang yang kuat serta mempunyai nilai mulai seperti berilmu, beriman amanah dan rajin.

Katanya, orang Melayu perlu mempunyai wawasan dan semangat secepat untuk menjadi bangsa besar dan agung di dunia.

Seperti kata pepatah Inggeris `Rome was not built in a day (Kota Rom tidak dibina dalam sehari), begitu juga perjuangan untuk menjadikan orang Melayu bangsa global yang maju.

Muhammad berkata, kemampuan tokoh Melayu hidup berjaya di perantauan seperti di Makkah, perlu meningkatkan semangat dan perjuangan bangsa Melayu di seluruh dunia.

"Orang Melayu sekarang perlukan resipi baru untuk mencapai kemajuan dan kejayaan lebih besar dalam pelbagai bidang," katanya dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia di sini.

Beliau yang tiba di sini semalam mengetuai rombongan Melayu Malaysia seramai 160 orang untuk menjayakan program Pertemuan Dunia Melayu Di Tanah Suci anjuran bersama Gabungan Penulisan Nasional (Gapena) dan YSMA.

Muhamad berkata, kejayaan kepemimpinan Melayu Malaysia yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendapat sanjungan dan perhatian orang Melayu di luar negara.

"Orang Melayu boleh menjadi lebih berjaya jika berpegang kepada kekuatan nilai-nilai murni seperti yang terkandung dalam `resepi baru' yang diperkenalkan," katanya.

Beliau yakin usaha Gapena-YSMA seperti mengadakan Pertemuan Dunia Melayu di merata tempat di dunia dapat memberi kekuatan kepada bangsa melayu dalam menghadapi cabaran era globalisasi sekarang.

Katanya, pengalaman tokoh dan masyarakat Melayu di luar negara seperti di Makkah dapat dijati rujukan dan panduan untuk memperkasakan kedudukan orang Melayu.

Beliau yakin usaha yang berterusan seperti ini dapat mewujudkan jaringan kerjasama penduduk melayu di dunia dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan dan kebudayaan.

"Kita perlu membina golongan orang Melayu yang bersemangat tinggi dan mampu menghadapi pelbagai cabaran supaya dapat menjadi bangsa besar di dunia," tegasnya.

Mengenai pertemuan Dunia Melayu di sini, Muhammad gembira ia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat Melayu di Tanah Suci.

Antara tokoh Melayu yang memberi sokongan ialah Wan Hussein Wan Abdullah, 72, yang berasal dari Baling, Kedah dan Dr Rahim al-Melayu, 45, yang berasal dari Kuala Kubu Baru, Selangor.

(END)